



## KENYATAAN MEDIA

### SITUASI TERKINI JANGKITAN COVID-19

### DI NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

23 Jamadilawal 1442 / 07 Januari 2021

1. Kementerian Kesihatan ingin memaklumkan kepada orang ramai bahawa pada hari ini, Khamis, 23 Jamadilawal 1442H bersamaan dengan 07 Januari 2021, **satu kes baru** jangkitan COVID-19 telah disahkan di negara ini yang membawa **jumlah keseluruhan kes COVID-19 di negara ini kepada 173 orang.**
  - Kes 173 ialah seorang lelaki berumur 38 tahun telah tiba ke negara ini pada 25 Disember 2020 dari Indonesia melalui Singapura dengan menaiki Penerbangan Singapura SQ148. Beliau tidak mempunyai sebarang tanda-tanda jangkitan dan pada masa ini sedang berada di Pusat Pengasingan Kebangsaan bagi pemantauan dan rawatan. Pengesanan kontak (*contact tracing*) bagi kes ini sedang giat dijalankan.

2. Dengan pengesanan kes baru ini, terdapat 21 kes aktif sedang dirawat di Pusat Pengasingan Kebangsaan. Daripada jumlah tersebut, satu kes masih berada di Unit Penjagaan Intensif bagi pemantauan dan rawatan rapi manakala selebihnya adalah dalam keadaan yang baik.
3. Dengan pengesanan kes-kes baru ini juga, sebanyak 32 kes import telah disahkan sejak kes jangkitan tempatan terakhir dilaporkan pada 6 Mei 2020 yang mana dengan ini, Negara Brunei Darussalam telah mencatatkan 246 hari tanpa kes jangkitan tempatan COVID-19.
4. Pada hari ini, seramai **700** orang sedang menjalani pengasingan diri mandatori di pusat-pusat pemantauan yang telah ditetapkan oleh Kerajaan iaitu mereka yang baru tiba ke negara ini setelah melakukan perjalanan dari luar negara. Setakat ini, seramai **10,765** orang telah menamatkan pengasingan diri mandatori di kemudahan-kemudahan berkenaan.
5. Dalam tempoh 24 jam yang lalu, sebanyak **382** sampel telah diuji bagi virus SARS-CoV-2 yang membawa jumlah

keseluruhan ujian makmal dijalankan sejak Januari 2020 kepada **84,830** ujian.

6. Kementerian Kesihatan ingin mengingatkan orang ramai untuk mengamalkan tanggungjawab sosial masing-masing dengan mengamalkan kebersihan diri, etika bersin yang betul, digalakkan memakai sungkup muka (*face mask*) apabila berada di tempat-tempat awam yang penuh sesak dan jika merasa kurang sihat, tidak menghadirkan diri ke tempat-tempat awam dan majlis-majlis keramaian. Sebagaimana peruntukan di bawah Akta Penyakit Berjangkit (Penggai 204), orang ramai adalah dikehendaki untuk mematuhi segala peraturan dan arahan yang telah dikeluarkan dan masih berkuatkuasa semasa pandemik COVID-19 ini.
7. Untuk maklumat lanjut dan perkembangan terkini, orang ramai boleh melayari laman web Kementerian Kesihatan iaitu [www.moh.gov.bn](http://www.moh.gov.bn) atau menghubungi Talian Nasihat Kesihatan 148 atau melalui aplikasi BruHealth.

- **TAMAT** -

Rujukan : KK/PR/2

Tarikh : 23 Jamadilawal 1442H / 07 Januari 2020